



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN

Tender adalah dipelawa kepada Syarikat Pemaju Perumahan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** sebagai rakan kongsi pembangunan bersama LPHS untuk membangunkan beberapa tanah negeri di Negeri Selangor untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
<u>TENDER KALI KEDUA:</u> CADANGAN PENYELESAIAN KERJA-KERJA PEMBINAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI PEMBESARAN KAMPUNG MELAYU RASA, MUKIM RASA, DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN No. Tender : LPHS/T/K/25/02 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/10/34	RM150.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam wang tunai	Kehadiran Lawatan Tapak adalah <u>TIDAK WAJIB</u> Syarikat pemaju yang berminat untuk menyertai tender ini adalah <u>DIGALAKKAN</u> untuk melawat sendiri lot tapak projek bagi membantu mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender Koordinat: 3.5152723, 101.6404418 Syarikat pemaju yang berminat boleh menghubungi <u>Unit Senibina & Pemantauan Projek LPHS di talian 012-202 7104 / 016-448 8867</u> bagi mendapatkan bantuan sekiranya ingin melakukan lawatan tapak	Bermula 17 November 2025 (Isnin) sehingga 08 Disember 2025 (Isnin) Waktu Pejabat:- (9.00 pagi hingga 3.00 petang) Kecuali Jumaat (9.00 pagi hingga 12.00 tengahari)	09 Disember 2025 (Selasa) Jam 12.00 tengah hari

Syarat-syarat Pra-Kelayakan adalah seperti berikut:

A. Pendaftaran Syarikat

- Syarikat 100% milik warganegara tempatan dengan **KEUTAMAAN** diberikan kepada syarikat bertaraf bumiputera,
- Sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dan
- Syarikat hendaklah mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang sah

B. Keupayaan Syarikat

i. Kewangan

- Paid Up Capital*** : RM400,000.00
- Nett Worth*** : Nilai bersih positif (***Positive Nett Worth***) bagi tempoh tiga (3) tahun yang lalu
- Modal Mudah Cair*** : RM1,300,000.00

ii. Keupayaan Teknikal

- Mempunyai pengalaman dalam bidang pemajuan hartanah sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam melaksanakan projek pembangunan perumahan.
- Syarikat mempunyai rekod prestasi yang memuaskan dari segi tempoh penyiapan dan kualiti kerja dalam tempoh lima (5) tahun terkini.
- Syarikat tidak mempunyai beban kerja semasa yang 'sakit' dan hendaklah mengemukakan senarai kerja semasa untuk dinilai prestasi kerja semasa. Syarikat hendaklah memastikan tidak tersenarai dalam Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) sebagai projek sakit oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

iii. Saiz dan Keupayaan Syarikat

- Syarikat mempunyai bilangan kakitangan profesional yang mencukupi bagi melaksanakan projek pembangunan.

Dokumen Meja Tender Pra Kelayakan boleh disemak bermula pada **13 November 2025 (Khamis)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Pengarah Syarikat atau Penama Yang Sah atau Wakil Syarikat Yang Sah Dibenarkan Membeli Dokumen Tender sahaja. Untuk maksud ini, Pengarah Syarikat atau Penama atau Wakil Syarikat tersebut hendaklah membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Profil Syarikat Yang Dicetak Melalui SSM dan Borang 49 SSM serta satu salinan bagi setiap dokumen tersebut semasa membeli dokumen Tender. **Bagi Wakil Syarikat Hendaklah Membawa Surat Wakil Kuasa Daripada Pihak Syarikat Yang Disahkan.SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 09 Disember 2025 (Selasa)**, kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)
Tingkat 5, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
No Tel: 016-229 0449 (Unit Perolehan Dan Aset)

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.**

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>

Tarikh Iklan : 13 November 2025